



# Factsheet PEN02

## Kesalahan dan hukuman

### Majikan, badan sukarela dan badan pendidikan

Malay | Bahasa Melayu

Berbagai hukuman dikenakan jika [Working with Children \(Screening\) Act 2004](#) (Akta) tidak dipatuhi. Factsheet ini memberi ringkasan kesalahan dan hukuman yang berkaitan dengan majikan, badan sukarela, dan **badan pendidikan** apabila menugaskan orang untuk melakukan [kerja berkenaan kanak-kanak](#). Kata-kata sebenar yang digunakan bagi setiap kesalahan dapat dibaca dalam Akta.

Jika perlukan bantuan terjemahan atau interpretasi untuk penerangan dalam risalah ini, sila hubungi Translating and Interpreting Service (TIS National) 131 450.

Kesalahan	Hukuman dan rujukan
<ul style="list-style-type: none"><li>Badan pendidikan mendapatkan kerja berkenaan kanak-kanak untuk <b>pelajar</b> di pusat penjagaan kanak-kanak, padahal pelajar itu tidak ada Kad WWC yang berkuat kuasa atau permohonan yang sedang menunggu keputusan</li></ul>	Denda \$12,000. Seksyen 9B(3).
<ul style="list-style-type: none"><li>Majikan/badan sukarela menugaskan orang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak di pusat penjagaan kanak-kanak (<b>Kategori 1</b>), padahal orang itu tidak ada Kad WWC atau permohonan yang sedang menunggu keputusan</li></ul>	Denda \$12,000 dan penjara selama 12 bulan. Seksyen 22(4).
<ul style="list-style-type: none"><li>Badan pendidikan mendapatkan kerja berkenaan kanak-kanak untuk pelajar, padahal mereka tahu pelajar itu telah <a href="#"><u>menarik balik permohonan</u></a> Kad WWC</li></ul>	Denda \$12,000. Seksyen 9B(4).
<ul style="list-style-type: none"><li>Majikan/badan sukarela menugaskan orang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak, padahal mereka tahu orang itu telah menarik balik permohonan Kad WWC</li></ul>	Denda \$12,000 dan penjara selama 12 bulan. Seksyen 22(5).
<ul style="list-style-type: none"><li>Badan pendidikan mendapatkan kerja berkenaan kanak-kanak untuk pelajar, padahal mereka tahu:<ul style="list-style-type: none"><li>pelajar itu ada tuduhan yang belum selesai atau sabitan kesalahan <b>Class 1 Offence</b> atau <b>Class 2 Offence</b> dan</li><li>pelajar itu tiada Kad WWC atau permohonan yang sedang menunggu keputusan</li></ul></li></ul>	Denda \$60,000. Seksyen 9B(1).

Kesalahan	Hukuman dan rujukan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Majikan/badan sukarela menugaskan orang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak, padahal mereka tahu:           <ul style="list-style-type: none"> <li>○ orang itu ada tuduhan yang belum selesai atau sabitan kesalahan Class 1 Offence atau Class 2 Offence dan</li> <li>○ dia tidak ada Kad WWC atau permohonan yang sedang menunggu keputusan</li> </ul> </li> </ul>	Denda \$60,000 dan penjara selama 5 tahun. Seksyen 22(2).
<ul style="list-style-type: none"> <li>• badan pendidikan mendapatkan kerja berkenaan kanak-kanak untuk pelajar, padahal mereka tahu pelajar itu ada <b>Negative Notice</b> atau <b>Interim Negative Notice</b> yang masih berkuat kuasa</li> </ul>	Denda \$60,000. Seksyen 9B(2).
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Majikan/badan sukarela menugaskan orang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak, padahal mereka tahu orang itu ada Negative Notice atau Interim Negative Notice yang masih berkuat kuasa</li> </ul>	Denda \$60,000 dan penjara selama 5 tahun. Seksyen 22(3).
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Majikan/badan sukarela menugaskan orang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak dengan exemption sukarelawan kanak-kanak atau ibu bapa, padahal mereka tahu sukarelawan itu ada Negative Notice atau Interim Negative Notice yang masih berkuat kuasa</li> </ul>	Denda \$60,000 dan penjara selama 5 tahun. Seksyen 22(3).
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Badan pendidikan mendapatkan kerja berkenaan kanak-kanak untuk pelajar, padahal pelajar itu:           <ul style="list-style-type: none"> <li>○ sudah ditugaskan oleh badan pendidikan dalam kerja berkenaan kanak-kanak selama lebih daripada lima hari dalam satu tahun kalendar dan</li> <li>○ tidak ada Kad WWC atau permohonan yang sedang menunggu keputusan</li> </ul> </li> </ul>	Denda \$12,000. Seksyen 9B(5).
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Majikan/badan sukarela menugaskan orang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak, padahal orang itu:           <ul style="list-style-type: none"> <li>○ sudah ditugaskan oleh badan pendidikan dalam kerja berkenaan kanak-kanak selama lebih daripada lima hari dalam satu tahun kalendar dan</li> </ul> </li> </ul>	Denda \$12,000 dan penjara selama 12 bulan. Seksyen 22(6).

<b>Kesalahan</b>	<b>Hukuman dan rujukan</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>○ tidak ada Kad WWC atau permohonan yang sedang menunggu keputusan</li> </ul>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Orang tidak mematuhi arahan <b>Authorised Officer</b> (Pegawai Berkuasa)</li> </ul>	Denda \$12,000 dan penjara selama 12 bulan. Seksyen 34Q.
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Orang campur tangan atau melakukan sesuatu dengan benda yang disita oleh Authorised Officer</li> </ul>	Denda \$12,000 dan penjara selama 12 bulan. Seksyen 34T(5).
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Orang memberi maklumat palsu atau mengelirukan kepada:           <ul style="list-style-type: none"> <li>○ WWC Screening Unit atau</li> <li>○ Authorised Officer</li> </ul> </li> </ul>	Denda \$24,000 dan penjara selama 2 tahun. Seksyen 35(b) dan (ba).
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Orang menghalang atau menghambat tugas Authorised Officer</li> </ul>	Denda \$12,000 dan penjara selama 12 bulan. Seksyen 35A.
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Orang berpura-pura sebagai Authorised Officer</li> </ul>	Denda \$12,000 dan penjara selama 12 bulan. Seksyen 35B.

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di [www.workingwithchildren.wa.gov.au](http://www.workingwithchildren.wa.gov.au)